

01 FEB 2003

Ling-MCA (Bergambar)

PEMIMPIN MCA BEBAS BERUNDUR, KATA DR LING

KUALA LUMPUR, 1 Feb (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata terpulang kepada wakil rakyat serta pemimpin parti itu untuk berundur jika mereka merasa sudah cukup lama memberikan perkhidmatan.

Dr Ling berkata memang ada pemimpin parti itu yang sudah menyatakan hasrat untuk berundur dan menurutnya parti tidak akan menghalang sesiapa yang ingin berbuat demikian.

"Siapa yang ada menganggap bahawa mereka telah memberi perkhidmatan yang cukup lama dan mereka telah melatih penggantinya, kita akan terima tindakan sebegitu," katanya ketika ditanya sekiranya ada kalangan pemimpin MCA mengikut jejak langkah sesetengah pemimpin Umno yang menawarkan diri untuk berundur daripada jawatan parti dan kerajaan.

Menurutnya, MCA hanya menetapkan tempoh pemimpin yang dilantik ke jawatan tertentu seperti senator dan ahli majlis kerajaan tempatan untuk memegang jawatan iaitu sama ada bagi satu atau dua penggal sahaja.

Beliau berkata demikian dalam sidang berita selepas menerima kunjungan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta lain-lain orang kenamaan serta masyarakat pelbagai kaum ke majlis rumah terbuka Tahun Baru Cina di Wisma MCA di sini.

Dr Ling berkata beliau yakin dengan kepimpinan muda MCA yang telah diberi tanggungjawab untuk memimpin parti itu.

"Saya percaya semua yang akan memimpin MCA telah diberi jawatan-jawatan yang tinggi, semua sudah ada. Hanya apa yang dibuat oleh mereka adalah apabila kaum tua (pemimpin kanan) bersara misalnya, mereka terpaksa memilih seorang atau dua orang atau satu pasukan yang boleh memimpin terus MCA 10 tahun atau lebih pada masa hadapan," katanya.

Mengulas mengenai tindakan ahli perniagaan Datuk Soh Chee Wen memfailkan saman RM150 juta terhadapnya, Dr Ling berkata apa yang penting bagi dirinya adalah beliau tidak berasa bersalah dan akan berdepan dengan tindakan seperti itu.

Soh baru-baru ini memfailkan semula saman terhadap Linksun Avenue Sdn Bhd, syarikat milik anak Dr Ling, Hee Leong dan Dr Ling di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Saman itu bagi mendapatkan semula RM150 juta termasuk saham yang didakwa Soh telah dipinjamkan kepada Linksun Avenue dan Dr Ling bagi pembelian Berjaya Industrial Berhad pada 1997.

Ditanya sama ada beliau akan meletakkan jawatan ekoran tuduhan Soh terhadapnya, Dr Ling berkata: "Jika saya tidak bersalah, kenapa saya perlu memikirkan semua ini. Tetapi meletak jawatan dan bersara memang dalam pemikiran semua orang, tiada sesiapa boleh kekal."

Katanya, beliau telah menyerahkan surat peletakan jawatan tanpa tarikh kepada Perdana Menteri kerana adalah prerogatif Perdana Menteri untuk menentukan tempoh perkhidmatan seseorang menteri.

"Jika beliau memutuskan (untuk menerimanya) dan apabila beliau membuat keputusan, Saya akan pergi dengan penuh rasa terhutang budi dan terima kasih, kerana berpeluang berkhidmat kepada negara begitu lama," katanya.

-- BERNAMA

AZH RV KHY MOZ